

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

SEMPENA

**'MAJLIS AMANAT TAHUN 2021 YBHG. TAN SRI PENGERUSI DAN
AHLI SURUHANJAYA BERSAMA WARGA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)'**

PADA

10 FEBRUARI 2021 (RABU)

**BERTEMPAT DI
BILIK MESYUARAT UTAMA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
ARAS 4, BLOK F9
KOMPLEKS F, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Datuk Seri Azmi bin Lateh

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan,

Yang Berusaha Tuan Haji Md. Radzi bin Hashim

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan,

Yang Dihormati

Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Seterusnya

Tuan-tuan dan puan-puan, Warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
sekalian.

A: ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Awalan pembuka kata saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT), kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Walaupun kita telah menginjak ke bulan Februari masih belum terlambat rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2021 kepada seluruh Warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Semoga kehadiran tahun 2021 ini akan meningkatkan semangat dan iltizam kita semua untuk mencurahkan khidmat bakti khususnya dalam memenuhi misi dan visi SPP sebagai Badan Kuasa Melantik Sektor Pendidikan Negara.

2. Tahun 2020 meninggalkan kita dengan seribu satu kenangan. Penularan Pandemik COVID-19 seakan-akan melumpuhkan dunia dan memberi cabaran baharu kepada kita semua, khususnya penjawat awam dalam melaksanakan tugas. Alhamdulillah dengan semangat kebersamaan, kita berjaya memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan. Bangkit daripada itu, dunia hari ini mengaplikasi norma baharu dan yang paling hampir adalah sesi kita pagi ini yang diadakan secara dalam talian agar dapat memenuhi prosedur standard operasi (SOP) semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Syabas kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan sesi kita pada pagi ini.

3. Amanat pada pagi ini saya mulakan dengan perkongsian maklumat berkenaan pertukaran nama rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan berkuat-kuasa pada 2

Februari 2021. Pertukaran ini telah diputuskan pada Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ) Bilangan 1128 pada 19 Januari 2021 yang lalu. Perubahan nama baharu ini akan digunakan bagi semua urusan rasmi dan hebahan pertukaran telah pun dipanjangkan kepada semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan serta pihak Media tanpa merubah fungsi dan peranan SPP sebagai sebuah Badan Kuasa Melantik Perkhidmatan Pendidikan.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bersara kepada YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP yang telah bersara wajib pada 1 Januari 2021. Tidak ketinggalan kita juga kehilangan dua (2) Ahli Suruhanjaya iaitu YBhg. Dato' Dr Azmi bin Shapei dan YBhg. Dato' Mohd Sani bin Mistam yang telah tamat kontrak pada 4 Januari 2021. Bagi pihak Suruhanjaya ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas perkhidmatan yang telah dicurahkan selama bertugas di SPP. Jasa, bakti dan sumbangan oleh mereka bertiga dan Warga SPP yang bersara pada Tahun 2020 tiada galang ganti dan menjadi penyumbang kepada Kejayaan SPP setiap hari.

5. Ibarat kata pepatah, **'Yang Patah Akan Tumbuh dan Yang Hilang Akan Berganti'**. Sehubungan itu, dengan setinggi-tinggi ucapan tahniah saya kepada YBrs. Tuan Haji Md Radzi bin Hashim atas pelantikan sebagai Setiausaha SPP baharu berkuat-kuasa pada 2 Januari 2021. Saya percaya dengan kredibiliti dan pengalaman Tuan Haji Md. Radzi bin Hashim yang pernah mengemudi Sektor Pengambilan dan Perkhidmatan SPP sebelum ini serta dibantu oleh seluruh warga SPP, beliau akan dapat menjalankan tugas dengan terus cemerlang, membawa imej SPP yang

dinamik, efektif dan berintegriti serta menjulang SPP dalam persada pendidikan Negara.

6. Ucapan selamat datang dan selamat bertugas juga saya ucapkan kepada dua (2) orang Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (ASJ) yang baharu dilantik pada 9 Februari 2021 iaitu **YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Ahmad** dan **YBhg. Dato' Dr. Zailan binti Dato' Haji Adnan**. Kita di sini memegang amanah rakyat Malaysia dalam memastikan pegawai yang dilantik di Kementerian Pendidikan adalah insan yang layak, berkaliber dan berakhlak baik ke atas anak-anak kita di sekolah, Kolej Komuniti dan Politeknik. Maka enam (6) peranan utama kita seperti yang termaktub di dalam Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan harus kita laksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab, tulus dan telus.

B: AMANAT TAHUN 2021

Hadirin yang sekalian,

7. YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021 telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13 hingga 26 Januari 2021. Ia diikuti dengan pelanjutan PKP sehingga 4 Februari 2021 dan kini telah diteruskan sehingga 18 Februari 2021. Keputusan ini diambil oleh Kerajaan memandangkan situasi penularan Pandemik COVID-19 semasa yang semakin meningkat. Bagaimanapun, berbeza dengan pelaksanaan PKP 1.0 pada tahun lepas, Kerajaan memutuskan untuk tidak membuat '*total lockdown*' dan memberi kebenaran kepada pembukaan sektor ekonomi agar pemulihan ekonomi dapat dipertingkatkan menjelang suku kedua tahun ini.

8. Susulan daripada itu juga, pada 12 Januari 2021, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah memperkenankan tempoh pelaksanaan darurat sehingga 1 Ogos 2021 atau sehingga suatu tarikh yang lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan. Dalam masa yang sama, Baginda juga berkenan terhadap cadangan Kerajaan bagi pembentukan satu Jawatankuasa Bebas yang akan dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta pakar-pakar kesihatan dan yang berkait bagi mencari penyelesaian terbaik dalam mengekang penularan isu pandemik COVID-19 selain isu bencana alam semasa.

9. Ini menunjukkan betapa Kerajaan memandang serius peningkatan kes positif COVID-19 dan musibah banjir yang melanda sesetengah negeri. Oleh itu, warga SPP diingatkan untuk sentiasa mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Kehadiran di pejabat dihadkan kepada maksimum 30% sahaja. Di samping itu, warga SPP juga bertanggungjawab melaporkan sebarang kes berkemungkinan jangkitan COVID-19 kepada pihak pengurusan supaya langkah seterusnya dapat dilaksanakan dengan segera bagi mengekang penularan di SPP. Ingat dalam situasi begini setiap daripada kita perlu memainkan peranan masing-masing selaras hasrat tanda pagar #kitajagakita.

10. Tahun 2021 dilihat akan terus mencabar walaupun ada pakar yang menganggarkan tidak seteruk Tahun 2020. Disebalik krisis COVID-19 yang benar-benar memberikan implikasi kepada perkhidmatan awam khususnya, kita sebagai penjawat awam dituntut untuk meneruskan tugas dengan amalan norma baharu. Mahu tidak mahu setiap daripada kita Warga SPP harus terus menggalas tanggungjawab

dengan dedikasi supaya setiap perancangan dari awal tahun dapat dilaksanakan sebaik mungkin agar sasaran dan keperluan pemegang taruh (*stakeholder*) dan pelanggan dapat dipenuhi.

C: PENCAPAIAN TAHUN 2020

Hadirin sekalian,

11. Menjalani Tahun 2020 yang begitu menduga, saya dengan rasa bangga menzahirkan bahawa SPP seperti tidak terlalu terkesan. Buktinya di dalam situasi yang terhad akan mobiliti sumber manusia dan logistik, SPP masih lagi dapat memastikan penyampai perkhidmatan kepada pemegang taruh dan pelanggan dapat dilaksanakan. Tahniah di atas pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan sehingga pelaksanaan program-program utama seperti empat (4) Program Bersepadu SPP di Sabah, Terengganu, Kelantan dan Melaka yang membolehkan kita menyantuni komuniti pendidikan di Negeri dan Daerah agar maklumat terkini dan sah melibatkan perkhidmatan mereka disampaikan.

12. Melihat pencapaian kita pada Tahun 2020, dengan peruntukkan keseluruhan sebanyak **RM22,069,900.00**, SPP berjaya mengurus perbelanjaan dengan pencapaian sebanyak **RM19,479,980.84** atau **95.45%**. Jumlah ini termasuk sekatan peruntukan sebanyak **RM1,661,000.00** di bawah Bekalan (B40) oleh Kementerian Kewangan. Bagi perbelanjaan tanpa emolumen, SPP telah berjaya menggunakan peruntukan yang telah diberikan dengan pencapaian sebanyak **49.15%** bagi peruntukan Tanggungan (T10) dengan baki **RM288,621.19** dan **90.53%** bagi peruntukan **Bekalan (B40)** dengan baki sebanyak **RM334,162.97**.

13. Urusan Teras SPP juga diteruskan tahun lepas dengan cemerlang. Sepanjang 2020, SPP telah menguruskan pelantikan tetap dan secara kontrak seramai **5,251** orang pegawai yang merangkumi **2,988** orang untuk mengisi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41, **135** orang untuk mengisi jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH41 dan DH47, serta **2,118** orang bagi mengisi pelbagai jawatan dan gred Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Senario ini jelas, SPP sentiasa komitmen memenuhi keperluan pelanggan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan mematuhi kesemua prosedur yang telah ditetapkan.

14. Walaupun dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana penularan Pandemik COVID-19, SPP masih mampu melantik **49%** daripada keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Norma baharu temu duga diperkenal dan diguna pakai menerusi temu duga secara rakaman video serta secara maya. Pujian harus diberikan kepada warga SPP terutamanya yang terlibat dengan proses pengambilan untuk mampu berubah mengadaptasi kaedah-kaedah ini dalam masa yang singkat. Syabas diucapkan kepada semua kerana ini bukti penjawat awam yang sentiasa menyahut perubahan tanggungjawab harian.

15. Sebanyak lima (5) sesi taklimat persediaan temu duga telah dihadiri secara bersemuka dan secara maya pada tahun 2020 yang melibatkan pelbagai institusi Pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebanyak dua sesi, Universiti Sains Malaysia (USM), Univerisiti Malaya (UM) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang tepat mengenai SPP serta mempersiapkan para graduan tahun akhir Ijazah Pendidikan

menghadapi temu duga SPP. Melalui sesi ini, pelajar tahun akhir akan boleh bertanyakan tentang keperluan dan tips ringkas semasa berdepan dengan panel temu duga.

16. Menambah baik kualiti dan mutu panel temu duga khususnya bagi Skim Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) sentiasa menjadi perhatian SPP. Justeru, satu Program Pengenalan Skim AKP telah diperkenalkan bertujuan untuk memberi peluang kepada Ahli Suruhanjaya (ASJ) menyelami secara langsung isu dan cabaran berkaitan di tempat kerja agar dapat dijadikan asas dalam proses temu duga dan pemilihan pegawai-pegawai. Program rintis pengenalan ini telah diadakan pada 29 September 2020 di SMK Dang Anum, Merlimau Melaka. Semasa program ini, ASJ telah diberi taklimat oleh wakil Pembantu Makmal, wakil Penyelia Asrama dan wakil Pembantu Pengurusan Murid.

D: PERANCANGAN TAHUN 2021

Hadirin sekalian,

17. Tahun 2021 dilihat lebih mencabar kerana SPP dijangka perlu melaksanakan pengambilan seramai **25,650 orang** pegawai termasuk 4,000 orang yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2020. Ini merangkumi seramai 19,000 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41, 6,500 Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) pelbagai jawatan dan gred serta 150 Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH41 dan DH47. Takwim temu duga telah disusun sepanjang 2021 bermula dengan Temu Duga Graduan Universiti Awam (UA) pada 17 Februari dan berakhir dengan Temu Duga Graduan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada penghujung tahun 2021 akan dilaksanakan

secara maya atau secara bersemuka tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan.

18. Selain itu, SPP merancang untuk menyebar luas peranan dan fungsi serta urusan-urusan pengambilan yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 melalui kemunculan secara siaran langsung di kaca televisyen, radio dan '*Outreached Programme*' ke kawasan-kawasan pedalaman. Penganjuran ini secara perancangannya akan berlangsung secara kolaborasi dengan Program Bersepadu SPP yang menjadi antara aktiviti utama tahunan Suruhanjaya ini dengan bilangan pelaksanaan sebanyak empat (4) kali setahun. Program-program ini diharap dapat menarik minat lebih ramai masyarakat untuk memohon seterusnya dapat berkhidmat sebagai penjawat awam melalui SPP.

19. Sesi libat urus dengan KPM, KPT dan agensi-agensi berkepentingan yang lain akan dipergiat sepanjang 2021 bagi memastikan urusan pengambilan berjalan lancar dan SPP dapat memenuhi keperluan agensi-agensi melalui pelantikan bakat terbaik ke dalam perkhidmatan Pendidikan. Taklimat persediaan kepada graduan tahun akhir Ijazah Pendidikan juga akan diteruskan bagi memastikan para graduan mendapat maklumat yang tepat berkaitan dengan urusan pengambilan dan pelantikan sebagai anggota perkhidmatan pendidikan seterusnya dapat mempersiapkan mereka menghadapi temu duga sepanjang tahun 2021.

D: PENUTUP

Hadirin sekalian,

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya berharap kita semua dapat meneruskan kecemerlangan sebagai seorang insan tetapi juga penjawat awam. Sudah tentu tahun baharu ini akan membawa cabaran dan dimensi berbeza untuk kita semua. Namun saya percaya untuk sentiasa maju ke hadapan dan berjaya kita perlu sentiasa menyahut cabaran dan keluar daripada zon selesa semasa. Dengan ketidaktentuan situasi semasa, mahu tidak mahu kita sebagai penjawat awam juga perlu mengadaptasi kepada persekitaran semasa dengan norma baharu sehingga penularan COVID-19 ini dapat dikekang sepenuhnya. Ingat frasa 'Saya yang menjalankan amanah'.

21. Akhir kata, saya inginkan mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada Warga SPP yang menyambutnya dan Selamat Tahun Baharu 2021 sekali lagi kepada semua Warga. Tidak kira bagi yang menyambut atau sekadar meraikan kelepasan am Tahun Baharu Cina ini, sentiasa ingat arahan Kerajaan dan pastikan patuh dengan SOP semasa. Semoga 2021 akan menjadi lebih baik dan kehidupan akan kembali normal seperti biasa tanpa ancaman COVID-19.

22. Teruskan kecemerlangan agar kita dapat memastikan SPP terus kekal menjadi Badan Kuasa Melantik yang lebih Dinamik, Efektif dan Berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.